

Uzma Berhad also referred as the “Company” is committed to maintaining a safe, healthy and productive work environment for all employees.

The use, possession, distribution, sale, or influence of drugs or alcohol in the workplace is strictly prohibited. This policy applies to all employees of the Company, contractors, and other stakeholders while on the Company’s premises during work hours or at any other location of the Customers for whom we perform work.

Our guidelines on executing this policy are as below.

Risk Reduction

- Employees and contractors should declare to their superiors any prescription medications to prevent misuse.
- Employees and contractors should inform their superiors if their medication renders them unable to carry out their duties in a manner that would jeopardize their safety and/ or the safety of other employees.
- Prohibited substances shall not be brought, kept, consumed, sold, purchased, or dealt with in any way in the Company’s location.
- The Company reserves the right to conduct searches on employees and contractors based on reasonable suspicion.
- Contractors must ensure that their employees remain drug and alcohol-free.

Continuity of Intervention

- The Company may conduct spontaneous, random drug and alcohol testing at any time deemed necessary, or can be to a specific high-risk group.

Consequence Management

- Failure to comply with this policy or its associated requirements may result in disciplinary action and/ or punishment in accordance with the applicable policies, laws and regulations or any action as may be deemed appropriate by company.

By adhering to this policy, we aim to ensure the well-being of our employees and the continued success of our organization. We emphasize the importance of clear comprehension, endorsement, and compliance with our policies by all relevant stakeholders, as they are instrumental in upholding our commitment to safety and well-being.



Uzma Berhad, juga disebut sebagai “Syarikat”, komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif bagi semua pekerja.

Penggunaan, pemilikan, pengedaran, penjualan serta pengaruh dadah atau alkohol di tempat kerja adalah dilarang sama sekali. Polisi ini terpakai kepada semua pekerja Syarikat, kontraktor, dan pihak lain yang berkepentingan semasa berada di premis Syarikat semasa waktu bekerja atau di mana-mana lokasi Pelanggan yang lain semasa kerja dilaksanakan.

Garis panduan melaksanakan dasar ini adalah seperti berikut.

Pengurangan Risiko

- Semua pekerja dan kontraktor harus mengisytiharkan sebarang preskripsi ubat kepada pihak atasan untuk mengelakkan penyalahgunaan.
- Semua pekerja dan kontraktor harus memaklumkan kepada pihak atasan sekiranya ubat-ubatan yang diambil boleh mengakibatkan mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna serta boleh menjejaskan keselamatan mereka dan/ atau keselamatan pekerja lain.
- Bahan-bahan terlarang tidak boleh dibawa, disimpan, dimakan/ diminum, dijual, dibeli, atau dikendalikan dalam apa jua cara di lokasi Syarikat.
- Syarikat berhak untuk menjalankan pemeriksaan ke atas pekerja dan kontraktor berdasarkan syak wasangka yang munasabah.
- Semua kontraktor harus memastikan pekerja mereka kekal bebas dari dadah dan alkohol.

Pencegahan Berterusan

- Syarikat boleh menjalankan ujian dadah dan alkohol secara spontan dan rawak pada bila-bila masa yang dianggap perlu, atau dijalankan kepada kumpulan tertentu yang berisiko tinggi.

Pengurusan Akibat

- Kegagalan untuk mematuhi polisi ini atau keperluan yang berkaitan dengannya boleh mengakibatkan tindakan disiplin dan/ atau hukuman selaras dengan dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan atau sebarang tindakan yang dianggap sesuai oleh Syarikat.

Dengan pematuhan polisi ini, kami berhasrat untuk memastikan kesejahteraan pekerja kami dan kejayaan yang berterusan bagi organisasi kami. Kami menekankan kepentingan pemahaman yang jelas, pengesahan dan pematuhan polisi kami oleh semua pihak berkepentingan yang berkaitan, kerana ia memainkan peranan penting dalam menegakkan komitmen kami terhadap keselamatan dan kesejahteraan.



DATO' KAMARUL REDZUAN MUHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

14 November 2023, Semakan: 03

